

99

223831  
KEW(S)100-0/2/1 Klt.2  
3hb. Okt. 2001

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan

Semua Pengerusi Eksekutif/Ketua Pegawai Eksekutif/Pengurus Besar  
Badan Berkanun, Agensi Kerajaan dan Syarikat Milik Kerajaan Negeri

Ybhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan/Cik,

SURAT PEKELILING BIL. 5 TAHUN 2001

Dengan hormatnya, bersama ini disertakan surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil. 5 Tahun 2001 "Arahan Kepada Pengerusi Eksekutif/Ketua Pegawai Eksekutif/Pengurus Besar Badan Berkanun Negeri, Agensi Kerajaan Dan Syarikat Milik Kerajaan Negeri Dan Pegawai Kerajaan Negeri Yang Mewakili Kerajaan Sebagai Ahli Lembaga Pengarah Dalam Badan Berkanun, Agensi Kerajaan Dan Syarikat Kerajaan" untuk makluman dan tindakan Ybhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan/Cik.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'

  
(JOSEPH KANSUNG)

Bahagian Pemantauan Agensi Awam dan Pelaburan Negeri  
b.p Setiausaha Tetap

s.k Setiausaha Kerajaan Negeri  
Tingkat 26  
Bangunan Yayasan Sabah  
88502 KOTA KINABALU

To,

Masniati Tajet 3

98

6

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL. 5 /2001**

**ARAHAN KEPADA**

**SEMUA PENERUSI EKSEKUTIF/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF/PENGURUS BESAR BADAN BERKANUN NEGERI, AGENSI KERAJAAN, SYARIKAT-SYARIKAT MILIKPENUH BADAN BERKANUN DAN AGENSI KERAJAAN DAN SYARIKAT MILIK KERAJAAN NEGERI DAN PEGAWAI KERAJAAN NEGERI YANG MEWAKILI KERAJAAN SEBAGAI AHLI LEMBAGA PENGARAH DALAM BADAN BERKANUN, AGENSI DAN SYARIKAT KERAJAAN.**

**1. LATARBELAKANG**

- 1.1. Arahkan kepada semua Pengerusi Eksekutif/ Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengurus Besar Badan Berkanun Negeri, Agensi Kerajaan, syarikat-syarikat milikpenuh Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan dan pegawai-pegawai Kerajaan yang mewakili Kerajaan Negeri sebagai Ahli Lembaga Pengarah dalam Badan Berkanun, Agensi Kerajaan, syarikat-syarikat milik kerajaan telah dipersetujui dan diluluskan oleh Jemaah Kabinet.

**2. TUJUAN**

- 2.1. Pekeliling ini bertujuan meningkatkan sifat kebertanggungjawab dan ketelusan dalam pentadbiran Badan Berkanun, Agensi Kerajaan dan syarikat milikpenuh Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan serta syarikat milik Kerajaan Negeri. Ini selaras dengan usaha memantapkan tadbir urus korporat di Malaysia.
- 2.2. Pekeliling ini juga bertujuan supaya pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang mewakili Kerajaan Negeri sebagai Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun, Agensi Kerajaan dan syarikat milik Kerajaan dapat memberikan sumbangan maksimum dalam memajukan organisasi berkenaan.

**3. KANDUNGAN PEKELILING**

- 3.1. Kandungan pekeliiling ini mengandungi arahan-arahan seperti berikut:-
  - i. Pengerusi Eksekutif/Ketua Pegawai Eksekutif/Pengurus Besar Badan Berkanun/ Agensi Kerajaan/syarikat milik

Kerajaan Negeri hanya boleh dilantik sebagai Pengerusi/Timbangan Pengerusi/ Ahli Lembaga dalam anak-anak syarikat sekiranya syarikat induk syarikat berkenaan dimiliki seratus peratus (100%) oleh Badan Berkanun, Agensi Kerajaan atau Kerajaan Negeri dan menjalankan Core Business syarikat Induk. Walaubagaimanapun perlintakan ini perlu kelulusan Kementerian Kewangan. Perlintakan bagi seorang Pengerusi Eksekutif/ Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengurus Besar Badan Berkanun, Agensi Kerajaan, syarikat milik Kerajaan sebagai pengerusi atau Timbalan Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah dalam anak-anak syarikat Badan Berkanun, Agensi Kerajaan, syarikat milik Kerajaan terhad kepada lima (5) sahaja.

- ii. Kakitangan utama Pengurusan dibawah Pengerusi Eksekutif, Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurus Besar Badan Berkanun, Agensi Kerajaan syarikat milik Kerajaan bolehlah dilantik sebagai Pengerusi/ Timbalan Pengerusi/ Ahli Lembaga Pengarah dalam anak-anak syarikat, syarikat usahasama dan syarikat bersekutu.
- iii. Pengerusi Eksekutif/ Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengurus Besar Badan Berkanun, Agensi Kerajaan dan syarikat milik Kerajaan tidak dibenarkan menjadi Pengerusi/ Timbalan Pengerusi/ Ahli Lembaga Pengarah dalam syarikat-syarikat yang tidak ada kaitan dengan Badan Berkanun, Agensi Kerajaan dan syarikat milik kerajaan.
- iv. Jumlah jawatan sebagai ahli lembaga pengarah Badan Berkanun, Agensi Kerajaan, anak-anak syarikat milik Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan dan syarikat milik kerajaan yang boleh di pegang oleh pegawai kerajaan sebagai wakil Kerajaan Negeri terhad kepada lima (5) sahaja.
- v. Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri yang telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah dalam Badan Berkanun, Agensi Kerajaan, anak-anak syarikat milik Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan, syarikat milik kerajaan selaku ex-officio atau atas sebab kedudukannya sebagai pegawai sesuatu Kementerian atau Jabatan hendaklah meletakkan jawatan sebagai ahli lembaga pengarah

96

4

dalam organisasi berkenaan apabila ditukarkan ke Kementerian atau Jabatan lain.


**4. PERLAKSANAAN PEKELILING**

- 4.1. Ketua Pegawai Eksekutif Badan Berkanun, Agensi Kerajaan, anak-anak syarikat milik penuh Badan Berkanun, Agensi Kerajaan dan syarikat milik kerajaan hendaklah membentangkan pekeliling ini dalam mesyuarat Lembaga Pengarah masing-masing.
- 4.2. Setiausaha-setiausaha Tetap dan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pekeliling ini dipatuhi oleh pegawai-pegawai berkenaan didalam Kementerian dan Jabatan masing-masing.
- 4.3. Kelulusan bertulis daripada Kementerian Kewangan hendaklah diperolehi terlebih dahulu sekiranya timbul keadaan dimana kelonggaran keatas pekeliling Kementerian Kewangan Bil 5 Tahun 2001 perlu dilakukan dengan memberikan justifikasi yang kukuh.

**5. TARIKH KUATKUASA**

- 5.1. Pekeliling Kementerian Kewangan ini mula berkuatkuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN  
BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"**



**(DATUK HJ. S. ABDILLAH S. HASSAN, JP)**  
Setiausaha Tetap